

Kim Sai akan temui PM mengenai papan tanda

KUALA LUMPUR, Selasa — Ketua Pemuda MCA, Datuk Lee Kim Sai akan menemui Perdana Menteri, Datuk Sri Dr Mahathir Mohamad berhubung soal penggunaan Bahasa Malaysia dan bahasa asing di papan-papan tanda di Wilayah Persekutuan.

Beliau mendakwa ketetapan yang dibuat oleh Dewan Bandaraya iaitu bahasa-bahasa asing mesti separuh lebih kecil dari Bahasa Malaysia sebagai bertentangan dengan Undang-undang Kecil Iklan (Wilayah Persekutuan) 1982.

Katanya, undang-undang itu yang telah diwartakan pada 26 Jun tahun lalu tidak menyebut syarat itu, sebaliknya hanya menyebut: Semua iklan mesti mengguna-

kan Bahasa Malaysia yang betul sementara lain-lain bahasa boleh juga digunakan tetapi ukurannya hendaklah lebih kecil.

"Sekiranya Dewan Bandaraya gagal menyelesaikan perkara itu, kami akan menemui Perdana Menteri untuk menyelesaikannya", jelas beliau.

Sementara itu, Penolong Pengarah Unit Perhubungan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Puan Zarina Ahmad Osman memberilahu Berita Harian hari ini, pemilik kedai dan gedung perniagaan di sini diingatkan supaya mengutamakan Bahasa Malaysia pada papan-papan tanda (iklan) mereka mulai sekarang sebelum undang-undang itu dikuatkuasakan pada 1 Jun ini.

Selepas tempoh itu, pegawai-pegawai penguatkuasa iklan di Jabatan Dewan Bandaraya tidak akan tertagak-agak bertindak menurunkan iklan-iklan yang melanggar syarat itu.

Katanya, di bawah Undang-undang Kecil Iklan (Wilayah Persekutuan) 1982, semua iklan mesti menggunakan Bahasa Malaysia yang betul sementara lain-lain bahasa boleh juga digunakan tetapi dalam ukuran lebih kecil (contoh: Jika ukuran Bahasa Malaysia dua meter, lain-lain bahasa mesti setengah atau semeter lebih kecil).

Katanya, mereka yang didapati bersalah boleh didenda \$2,000 atau setahun penjara atau keduanya sekali.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia